



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "HIJRAH: MEMBINA MINDA STRATEGIK - PENCETUS UMMAH DINAMIK"

5 Julai 2024 / 28 Zulhijah 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْيَّ يَوْمَ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi semua larangan Nya, mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Menjelang sambutan Tahun Baharu 1446 Hijrah, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

## "HIJRAH: MEMBINA MINDA STRATEGIK - PENCETUS UMMAH DINAMIK"

Firman Allah SWT, ayat 100 surah an-Nisa:

﴿وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَيِّلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاغِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُرْدِرَ كَهْ أَمْوَاتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ وَعَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ عَفُورًا رَّحِيمًا ﴾

Bermaksud: Dan sesiapa yang berhijrah di jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya dia akan mendapat di muka bumi ini tempat hijrah yang banyak dan (rezeki) yang banyak. Sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan maksud berhijrah kerana Allah dan Rasul Nya, kemudian kematian menimpanya (dalam perjalanan), maka sesungguhnya pahala hijrahnya telah ditetapkan di sisi Allah. Dan sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Pengasih.

Maal Hijrah mengandungi pelbagai keistimewaan, sarat dengan pelbagai falsafah kejayaan yang boleh disesuaikan sepanjang zaman. "Minda Strategik Pencetus Ummah Dinamik" merujuk kepada ummah yang memiliki kebolehan berfikir, merancang,

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



menilai dan mengkaji seterusnya menghasilkan tindakan dan pendekatan berhikmah yang dapat disesuaikan dengan situasi semasa sekali gus menatijahkan kebaikan dalam kehidupan.

Sejurus Baginda SAW menerima wahu perintah berhijrah, Baginda SAW bersama para sahabat menyusun perancangan – mengatur strategi bagi menjayakan perintah tersebut. Berkat perancangan daripada minda yang strategik, dinaungi pertolongan Allah SWT, hijrah telah mengolah pendekatan baharu mencetuskan ummah dinamik. Di Madinah, umat Islam bersatu teguh dengan kekuatan tauhid dan ukhuwah, memerintah sebuah negara bernaungkan syariat Allah SWT, berlandaskan perlembagaan bertulis pertama di dunia, dikenali Piagam Madinah, membolehkan Islam berkembang pesat, melakar kejayaan gemilang.

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW memahamkan kita bahawa, perancangan strategik telah membolehkan urusan penghijrahan berjalan sempurna sekali pun menempuh rintangan dan cabaran berat. Oleh itu, Maal Hijrah hendaklah dijadikan iktibar, membimbing ummah untuk sentiasa melakukan perancangan bijak dalam setiap urusan kehidupan merangkumi urusan kekeluargaan, pengurusan dan pentadbiran, kewangan, kesihatan, pendidikan, perniagaan, pekerjaan, malah perancangan masa hadapan. Ummah yang melakukan perancangan secara teliti ialah ummah yang akan berjaya mencapai matlamat yang dituju.

Hakikatnya, al-Quran amat menggalakkan umatnya berfikir malah mencela golongan yang tidak menggunakan akal untuk berfikir dengan baik. Namun, pemikiran akal manusia wajib bertunjangkan tauhid serta panduan al-Quran dan al-Sunnah agar perancangan yang dihasilkan kekal menepati kehendak Allah SWT dan Rasul Nya.

### **Jemaah yang dilimpahi kashih Ilahi,**

Sirah Rasulullah SAW menunjukkan betapa minda strategik berjaya melahirkan generasi para sahabat yang berkebolehan merancang sehingga membawa kejayaan. Kemenangan peperangan Badar antaranya berpunca daripada al-Hubab bin al-Munzir yang mencadangkan kepada Baginda RSAW agar berpindah ke tempat yang lebih strategik bagi membolehkan tentera Islam menguasai bekalan air. Manakala peperangan *Khandak* berakhir dengan kemenangan disebabkan Salman al-Farisi mencadangkan agar tentera Islam menggali parit, berpandukan strategi peperangan bangsa Parsi.



Hal ini mengajar kita bahawa Islam amat mementingkan kualiti pekerjaan yang dilaksanakan dengan perancangan teliti. Berfikir secara strategik menjadi keperluan pada setiap zaman kerana bentuk cabaran dan ujian sentiasa berubah menurut tempat, keadaan dan zaman. Kini, ketika menyempurnakan amanah bekerja dalam era perkembangan teknologi moden, pekerja dituntut berfikir secara kritis, menghasilkan corak kerja dan pendekatan yang lebih berkesan, serta berani menyesuaikan diri menguasai kemahiran digital demi penghasilan kerja yang lebih cekap lagi teratur untuk memenuhi keperluan masyarakat.

Begitu juga strategi dakwah yang perlu diolah secara strategik agar berjaya menarik minat anak muda dan orang bukan Islam. Kerja-kerja amal, urusan kepimpinan, sambutan hari-hari kebesaran dan sebagainya memerlukan perancangan strategik yang mampu memberikan kesan menyeluruh kepada masyarakat. Ibu bapa dan penjaga dianjurkan membantu anak-anak dalam membuat perancangan hidup, termasuk hal pembelajaran mereka, hala tuju impian, pengurusan kewangan dan sebagainya agar mereka berupaya merancang dengan baik demi kelangsungan hidup.

Mimbar menyenaraikan perkara-perkara yang boleh membantu meningkatkan daya intelektual minda:

**Pertama:** Membaca, menghayati, bertadabbur dan mengamalkan isi kandungan al-Quran serta menelaah bahan-bahan ilmiah yang berfaedah.

**Kedua:** Mengamalkan gaya hidup sihat dengan melakukan senaman setiap hari, mengawal berat badan melalui pengambilan makanan yang seimbang dan berkhasiat; memastikan fikiran kekal sihat dengan mengawal emosi agar tenang dan stabil.

**Ketiga:** Menjauhi gaya hidup tidak sihat seperti pengambilan alkohol, rokok, dadah, tidur yang terlalu sedikit atau terlalu berlebihan.

**Keempat:** Menyemai minat terhadap perkara-perkara yang memperkayakan minda dengan ilmu pengetahuan, melalui penyertaan dalam program-program keilmuan, menonton wacana ilmiah, melibatkan diri dalam perbincangan ilmiah, mengunjungi perpustakaan serta bersedia menerokai pelbagai bidang ilmu dan kemahiran baharu.



## Jemaah Rahimakumullah,

Maal Hijrah bermatlamatkan perubahan dan kejayaan. Jadikan peristiwa hijrah sebagai panduan untuk ummah bersedia melakukan pengorbanan meninggalkan tabiat buruk dan beralih kepada amalan dan kegiatan yang lebih mendatangkan kebaikan dan manfaat. Nyawa yang Allah SWT kurniakan, manfaatkannya dengan perancangan dan tekad muh mahu mencapai wawasan dan matlamat baharu yang lebih cemerlang. Sesungguhnya ummah yang berjaya melakukan perubahan diri ke arah lebih baik adalah ummah yang berjaya mentafsirkan sirah hijrah Rasulullah SAW dalam bentuk amali yang lebih bermakna selaras dengan sabda Baginda:

**لَا تَنْقِطُ الْهِجْرَةُ حَتَّىٰ تَنْقِطِ التَّوْبَةُ وَلَا تَنْقِطِ التَّوْبَةُ حَتَّىٰ تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا**

Bermaksud: Tidak terhenti hijrah selagi tidak terhenti (kesempatan) bertaubat dan tidak terhenti taubat sehingga matahari terbit dari barat. (Hadis Riwayat Abu Daud)

Memenuhi sambutan Maal Hijrah 1446, mimbar menyeru ummah menghayati perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Tingkatkan iman, ketakwaan dan kepatuhan kepada Allah SWT. Tinggalkan perkara-perkara maksiat yang mendatangkan dosa kerana dosa akan menghitamkan hati, memburukkan kelakuan, melemahkan daya fikiran serta menjadikan diri malas dan tidak proaktif.

**Kedua:** Manfaatkan potensi akal dengan sentiasa melakukan perancangan strategik dalam setiap urusan kehidupan; dilengkapi dengan sikap menepati masa, memenuhi janji, bercakap benar dan berakhhlak mulia.

**Ketiga:** Jadilah insan yang berkeyakinan tinggi dan tidak mudah putus asa dalam apa jua bidang yang diceburi dengan meningkatkan pengetahuan, menimba pengalaman dan menguasai pelbagai kemahiran.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغُفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>7</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمَيْنَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Jadikan tahun baharu 1446 Hijrah lebih baik dan bermakna buat kami. Bimbing kami untuk kekal istiqamah menjadi hamba Mu yang bertakwa, beriman dan bermurah hati membantu insan dalam kesusahan serta berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhammin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ  
وَإِشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.